
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2006/2007

Oktober/November 2006

HBT 302 – SOSIOLINGUISTIK DAN PENTERJEMAHAN

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi ENAM muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

ARAHAN KEPADA CALON:

1. Ada LIMA soalan semuanya. Pastikan anda mendapat soalan yang lengkap.
2. Jawab mana-mana EMPAT soalan.

...2/-

1. Jawab [a], [b] dan [c].

Teks A

Ray: Hi mum.

Mum: Hi. You're late.

Ray: Yeah, that bastard Sootbucket kept us in again.

Mum: Nana's here.

Ray: Oh sorry. Where is she?

Teks B

Ray: Good afternoon, sir.

Principal: What are you doing here at this time?

Ray: Mr Sotton kept us in, sir.

Sumber: Holmes, J (2001). **An Introduction To Sociolinguistics**, Pearson Education Limited: London, ms. 1

- [a] Bincangkan bentuk pertuturan dalam **Teks A** dan **Teks B** di atas.

[8 markah]

- [b] Dengan memberikan contoh-contoh yang sesuai bincangkan penggunaan pelbagai bahasa dan dialek dalam sesuatu komuniti yang anda tahu.

[10 markah]

- [c] Bincangkan faktor-faktor yang mempengaruhi konteks dan variasi bahasa.

[7 markah]

2. Jawab [a], [b] dan [c].

Teks C

'Ibrahim, oay, Ibrahim,' the Indian patient next to my bed shouted.
'Apa, Kuppu.' The man opposite stopped fanning and looked at my neighbour.
'Oay, when will the doctor come? *Rasa sakit!*' The Indian patted his stomach.
Ibrahim ignored my neighbour's question and continued fanning.
'Oay, OAY, Ibrahim! Are you deaf!' My neighbour Kuppu raised his thin arm, shouting louder.
For such a fat man, Ibrahim showed unexpected agility. He sat up and flung his pillow. Kuppu did not have time to duck.
'Shut your mouth, *kling quai*. Do you want to disturb every one. You think what this is, har?' Ibrahim said, pointing to the floor, 'A toddy shop, yes? And look how you woke up the boy? He pointed to me now and continued scolding. '*Babi, minatang, lembu, Bodoh!*' Not satisfied he switched over to the Hokkien tongue and cursed vehemently.

Sumber: Lee Kok Liang dlm. Fernando, L. (ed), **Twenty-two Malaysian Short Stories. An Anthology of Writing in English**, Singapore: Heinemann, ms. 217-218.

- [a] Berdasarkan **Teks C**, bincangkan faktor etnik dan gender dalam mempengaruhi gaya kesantunan seseorang penutur.

[10 markah]

- [b] Terjemahkan perenggan terakhir **Teks C** ke bahasa Malaysia.

[8 markah]


- [c] Dengan menggunakan contoh-contoh yang sesuai, bincangkan keperluan bagi seseorang penterjemah memahami aspek kesantunan budaya dalam komunikasi antara budaya.

[7 markah]

3. Dengan merujuk kepada **Teks D**, jawab [a], [b] dan [c].

Teks D

Sumber: **Ujang**, 1 Januari 2006, ms. 71.



- [a] Bincangkan faktor sosiolinguistik yang mungkin mempengaruhi gaya pertuturan penyapa kepada pesapa dalam **Teks D**.

[10 markah]

- [b] Terjemahkan **Teks D** ke bahasa Malaysia dengan mengambil kira faktor sosiolinguistik yang anda bincangkan dalam [a].

[10 markah]

...5/-

- [c] Bincangkan kaedah yang telah anda gunakan dalam menterjemahkan **Teks D** di atas.

[5 markah]

4. Jawab [a] dan [b].

- [a] Berdasarkan Holmes (2001) bincangkan langkah-langkah yang perlu diambil dalam perancangan sesuatu bahasa

[15 markah]

- [b] Dengan menggunakan contoh-contoh yang sesuai, bincangkan bagaimana kegiatan penterjemahan dan perancangan bahasa saling bantu membantu.

[10 markah]

5. Jawab [a] dan [b].

- [a] Huraikan secara terperinci perkara [i] dan [ii] di bawah dan bincangkan cabaran yang dihadapi oleh seorang penterjemah jika perlu menterjemah teks yang mengandungi perkara berikut

[i] petukaran kod (*code switching*)

[ii] kreol dan pijin

[10 markah]

- [b] Merujuk pada **TEKS E** di bawah, bincangkan aspek sosial dan jatidiri yang terkandung di dalam teks ini.

[15 markah]

TEKS E

KUALA LUMPUR 14 Ogos – Pelakon Wanita Terbaik Festival Filem Malaysia Ke-19 (FFM19), Sharifah Amani mengejutkan hadirin apabila memperlekehkan bahasa Melayu semasa berucap selepas menerima anugerah itu, malam tadi.

Katanya, dia rasa seperti orang bodoh jika bercakap dalam bahasa Melayu kerana kurang fasih, sebaliknya mahu menggunakan bahasa Inggeris.

"I sound like stupid if I speak in Malay." (Saya rasa seperti orang bodoh kalau saya bercakap dalam bahasa Melayu)," katanya ketika diberi peluang membuat ucapan sebaik sahaja menerima anugerah itu kerana lakonannya dalam filem Gubra.

Ucapannya itu menimbulkan rasa tidak senang sebilangan besar penonton khususnya orang Melayu termasuk tetamu kehormat majlis itu iaitu Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Dr. Rais Yatim.

Lebih memeranjatkan khalayak pada malam itu ialah apabila Sharifah Amani mengakhiri ucapannya dengan berkata:

"If the film (Gubra) mencemar budaya, let's do it more often (Jika filem ini (Gubra) mencemar budaya, mari kita hasilkan lebih banyak lagi)."

Sharifah Amani, 20, yang ditemui selepas festival itu menjelaskan, dia tidak berniat memperlekehkan bahasa Melayu.

Menurutnya, dia meminta kebenaran berucap dalam bahasa Inggeris kerana bimbang ucapannya dalam bahasa Melayu akan kedengaran buruk ekoran dia tidak fasih bahasa ibunda itu.

"Apa yang saya maksudkan ialah saya ingin bertutur dalam bahasa Inggeris kerana tidak fasih berbahasa Melayu, nanti buruk bunyinya.

"Saya tidak mahu nampak bodoh kerana bagi saya, bahasa melambangkan budaya bangsa. Saya memang bercakap dalam bahasa Inggeris di rumah dengan seluruh anggota keluarga saya termasuk datuk, nenek dan moyang," katanya.

Sharifah Amani menjelaskan, ucapannya itu adalah secara spontan dan dia sama sekali tidak maksud untuk menimbulkan sebarang kontroversi.

"Saya tidak bermaksud mencetuskan kontroversi dan saya tetap berbangga menjadi gadis Melayu Islam," ujarnya.

Menurut Sharifah Amani lagi, faktor yang menyebabkan dia kurang fasih berbahasa Melayu ialah kerana darah campuran yang dimilikinya iaitu Cina, India dan Arab.

"Salahkah saya berbahasa Inggeris sedangkan ketika ini ada usaha untuk memperkasakan bahasa itu di sekolah-sekolah?

"Lagipun orang perlu tahu saya masih muda dan baru berumur 20 tahun," jelasnya.

Ketika diminta mengulas mengapa dia mahu filem seperti Gubra diperbanyakkan, Sharifah Amani berkata, ia adalah luahan hatinya yang terguris apabila filem Gubra dan Sepet menerima kecaman hebat daripada media massa dan pengkritik filem.

Tambahnya, masyarakat tidak tahu bagaimana sukarnya untuk menghasilkan sebuah filem yang baik.

"Saya bercakap begitu kerana saya terlalu mencintai dunia lakonan dan filem. Gubra ialah filem cinta, bukan filem wang," ujarnya.

Sumber:

http://www.utusan.com.my/utusan/archive.asp?y=2006&dt=0815&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_01.htm